

13 MAY 2003

Polis-Tutup

22 JALAN DI IBU NEGARA DITUTUP UNTUK PERARAKAN MAULIDUR RASUL DAN WESAK

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Dua jalan utama di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil di sini, akan ditutup sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan di Stadium Putra esok.

Ketua Polis Trafik Kuala Lumpur, Supt Ahmad Shamsuri Ahmad Mukri, berkata penutupan Jalan North dan Jalan West akan dibuat secara berperingkat-peringkat mulai 7.30 pagi.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail akan merasmikan sambutan yang akan turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perarakan akan bermula dari kawasan letak kereta "F" berhadapan Stadium Hoki dan melalui Jalan West dan Jalan North sebelum berkumpul di Stadium Putra.

Ahmad Shamsuri berkata Jalan West dan Jalan North akan ditutup bagi laluan trafik sepanjang dua kilometer selama sejam.

Peserta acara itu dan orang ramai dikehendaki meletakkan kenderaan mereka di tempat letak kereta "B" berhadapan Stadium Nasional, manakala bas yang membawa peserta boleh menurunkan mereka di hadapan Stadium Hoki, sebelum kenderaan itu diletakkan di tempat letak kereta "C" Stadium Nasional.

Sempena Hari Wesak pada Khamis pula, polis akan menutup 20 batang jalan di ibu negara bagi membolehkan satu perarakan yang disertai kira-kira 7,000 penganut Buddha diadakan bermula dan berakhir di Kuil Buddhist Vihara, Jalan Berhala, Brickfields bermula 7 malam.

Yang terlibat ialah Jalan Berhala, Jalan Sultan Abdul Samad, Jalan Tun Sambanthan, Jalan Tun Sambanthan 4, Jalan Thambipillay, Jalan Scott, Jalan Travers, Jalan Mahameru, Jalan Sultan Sulaiman, Jalan Hishamuddin, Bulatan Hishamuddin, Jalan Kinabalu, Lebuhraya Pasar Besar, Jalan Raja, Jalan Gereja, Bulatan Datuk Onn, Jalan Tun Perak, Jalan Raja Laut, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

"Kita akan menggunakan sistem tutup dan buka, iaitu kita menutup jalan-jalan yang terlibat dan akan membuka semula jalan-jalan itu kepada pengguna jalan raya sebaik sahaja perarakan itu melalui jalan-jalan yang dinyatakan," kata Ahmad Shamsuri.

Beliau menasihatkan penganut Buddha yang ingin menyertai sambutan agar meletakkan kenderaan mereka di Jalan Berhala dan Jalan Sultan Abdul Samad.

-- BERNAMA

MRA ASH AHH MAI